

12 MAR 2000

Umno-Calon (Alor Gajah)

ALOR GAJAH CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

ALOR GAJAH, 12 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Alor Gajah hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed sebagai presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian itu turut mencalonkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai naib presiden.

Bagi kerusi Majlis Tertinggi (MT), bahagian itu mencalonkan Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan bekas Ketua Menteri Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Nama 22 calon lain untuk kerusi MT:

- * Datuk Nazri Tan Sri Aziz
- * Datuk Seri Adnan Yaakob
- * Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali
- * Datuk Seri Shahidan Kassim
- * Datuk Mustapa Mohamed
- * Datuk Seri Mohd Shariff Omar
- * Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir
- * Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman
- * Tan Sri Kasitah Gaddam
- * Datuk Azmi Khalid
- * Datuk Abdul Aziz Shamsudin
- * Datuk Lajim Ukin
- * Datuk Shafie Apdal
- * Datuk Dr Suleiman Mohamad
- * Datuk Ruhanie Ahmad
- * Datuk Dr Jamaluddin Jarjis
- * Datuk Dr Shafie Mohd Salleh
- * Datuk Ishak Ismail
- * Datuk Salleh Tun Said
- * Datuk Zahid Hamidi
- * Datuk Maznah Hamid
- * Abdul Azim Mohamed Zabidi
- * Datuk Suhaili Abdul Rahman

Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dicalonkan sebagai pengerusi tetap dan Datuk Azman Attar Osman sebagai timbalan pengerusi tetap.

Sehingga hari ini, empat daripada lima bahagian Umno negeri iaitu Batu Berendam, Selandar, Kota Melaka dan Alor Gajah telah selesai menjalankan mesyuarat masing-masing.

Bahagian Jasin akan mengadakan mesyuaratnya Ahad depan.

-- BERNAMA

NO LAT